

1983

PETALING JAYA, 4 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIGAS MEDIA MASSA BARAT KERANA MEMBERI GAMBARAN ISLAM DENGAN TUJUAN MENIMBULKAN SALAHFAHAM DAN PERASAAN TAKUT.

PERDANA MENTERI BERKATA AMAT DIKESALI SEKALI KEMAJUAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI TIDAK DIGUNAKAN UNTUK MENINGKATKAN FAHAMAN TERHADAP ISLAM, AGAMA BAGI 1,000 JUTA UMMAT MANUSIA.

SEBALIKNYA, IA DIGUNAKAN UNTUK MENIMBULKAN PERASAAN TAKUT DAN FRASANGKA; KATA BELIAU KETIA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KEDUA MAJLIS DAKWAH ISLAMIAH RANTAU ASIA TENGGARA DAN PASIFIK (RISEAP) DI SINI. PARA PERWAKILAN DARI 16 BUAH NEGARA DAN ENAM PERTUBUHAN ANTARABANGSA MENGHADIRI SILANG SEHARI ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEDIA MASSA BARAT, MENERUSI KEJAHILAN DAN PUTARBELIT, TELAH MEMBENTUK IMAJ ISLAM SEBAGAI SATU AGAMA YANG TIDAK PERLU DIFAHAMI DAN HANYA PERLU DITAKUTI.

--LAGI 1710/PA

MAHATHIR-ISLAM 2 PETALING JAYA 'R' 'R' 'R'

KATANYA ADALAH SALAH BAGI PARA PENGKRITIK YANG BERAT SEBELAH INI MEMBAYANGKAN BAHAWA USAHA MEMUPUK CARA HIDUP ISLAM AKAN MENGANCAM HAK-HAK UMAT BUKAN ISLAM.

BELIAU BERKATA PENELITIAN SEJARAH SECARA OBJEKTIF AKAN MENUNJUKKAN BAHAWA SISTEM ISLAM MENJAMIN PEMELIHARAAN HAK-HAK KAUM MINORITI BUKAN ISLAM.

SEJAK WAKTU NABI MUHAMMAD LAGI KAUM-KAUM MINORITI DIBERIKAN KEDUDUKAN SETARAF DENGAN MASYARAKAT ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANG TERDAPAT PUAH PELAMPAU DALAM SETIAP AGAMA DAN IDEOLOGI DAN MEMANDANGKAN HAKIKAT INI, ADALAH SALAH UNTUK MENGANGGAP KEWUJUDAN BEBERAPA ORANG FANITIK DALAM ISLAM SEBAGAI BUKTI BAHAWA ISLAM MERUPAKAN AGAMA YANG HARUS DITAKUTI.

BELIAU MENGECAH PIHAK-PIHAK BARAT YANG KONONNYA +PAKAR ISLAM+ YANG MENURUT BELIAU SEBENARNYA TIDAK MENGETAHUI AJARAN ISLAM WALAU PUN YANG PALING ASAS.

MEREKA TIDAK MEMPUNYAI PENGETAHUAN MENGENAI SEJARAH ISLAM DAN EHVAL SEMASA WALAU PUN PADA PERINGKAT ASAS, + TEGAS BELIAU.

--LAGI 1730/PA

ZCZC 0395

MAHATHIR-ISLAM 3 PETALING JAYA 'R'R'R'

SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMETIK SEBUAH BUKU BERTAJUK +MILITANT ISLAM+ OLEH JANSON YANG MENGATAKAN DI MALAYSIA, YANG SEBAHAGIANNYA DIKATAKAN DIBAWAH PENGARUH IRAN, PUK-PUK +FUNDAMENTALIST+ ISLAM MENCAMPAKKAN PETI TV KE DALAM SUNGAI DAN MENGGOYAK-GOYAKKAN TEMPAT DUDUK LEMBUT KERETA MEREKA UNTUK DIGANTIKAN DENGAN BANGKU KAYU.

(SAYA INGIN MENJEMPUTNYA (PENULIS TERSEBUT) KE SINI UNTUK MEMERIKSA SUNGAI-SUNGAI KITA SAMA ADA TERDAPAT PETI-PETI TV YANG TELAH DICAMPAKKAN DAN MEMERHATI LEBUH-LEBUHRAYA KITA SAMA ADA TERDAPAT KERETA-KERETA YANG BERBANGKU KAYU,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA USAHA KERAJAAN MALAYSIA UNTUK MENUBUHKAN BANK ISLAM DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA UNTUK MEMUPUK NILAI-NILAI POSITIF SELARAS DENGAN AJARAN ISLAM TELAH JUGA DIKRITIK DAN DISALAHTAFSIRKAN OLEH PIHAK MEDIA ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USAHA-USAHA UNTUK MEMBURUKKAN KEBANGKITAN ISLAM DAN CARA HIDUP ISLAM AKAN BERTERUSAN SELAGI UMAT ISLAM BERPEGANG TEGUH KEPADA NILAI-NILAI DAN INSTITUSI MEREKA REDAS DARI SEBARANG PENGARUH KUASA BESAR.--LAGI 1732/PA

ZCZC 0596

MAHATHIR-ISLAM 4 PETALING JAYA 'R'R'R'

UMAT ISLAM, TERMASUK DI NEGARA-NEGARA DI MANA MEREKA MERUPAKAN MINORITI, MESTILAH BERUSAHA Mencari JALAN UNTUK MENENTANG USAHA-USAHA MEMBURUKKAN ISLAM YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG KONONNYA PEJUANG KEBEBASAN AKHBAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PADA MASA YANG SAHA, UMAT BUKAN ISLAM JUGA PERLU MENELITI MESEJ ISLAM DENGAN FIKIRAN TERBUKA DAN TANPA PRASANGKA.

+SEKIRANYA ISLAM TIDAK MENAWARKAN SESUATU, APAKAH YANG HENDAK DIBIMBANGKAN? SEKIRANYA IA MENAWARKAN SESUATU, KENAPA MENAFIKAN DIRI?+ TANYA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KIRA-KIRA 200 UMAT ISLAM DARI HONG KONG, KOREA SELATAN, JEPUN DAN TAIWAN DIJANGKA MENUNAIKAN FARDHU HAJI TAHUN INI MELALUI PENYELENGGARAN RISEAP, SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) DAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI.

TAHUN LALU TABUNG HAJI MENYEDIAKAN PEMUDAHAN BAGI KIRA-KIRA 150 UMAT ISLAM DARI NEGARA-NEGARA DI MANA RAKYAT ISLAM MERUPAKAN MINORITI, MENUNAIKAN FARDHU HAJI. -- BERNAMA 1735/PA